

KL - UK sepakat tentang keganasan

UM - 0 DEC 2001

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

PUTRAJAYA 7 Dis. — Malaysia dan Britain hari ini melahirkan harapan bersama untuk melihat keamanan dipulihkan segera di bumi Afghanistan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seti Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya dari Britain, John Prescott, sehubungan itu, menekankan pentingnya sebuah kerajaan yang mewakili semua kaum diwujudkan di negara berkenaan.

“Sebenarnya pendirian kita berkaitan keganasan ialah kita tetap menentang habis-habisan tanpa ada kompromi.

“Pada masa yang sama di Afghanistan, kita mengharapkan keamanan dapat dipulihkan kerana rakyat negara itu telah lama menderita,” kata Abdullah pada sidang akhbar bersama Prescott di sini.

Timbalan Perdana Menteri Britain yang tiba semalam untuk lawatan kerja tiga hari, sebelum itu mengadakan pertemuan selama sejam dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bercakap pada sidang akhbar tersebut, Prescott menganggap pertemuannya dengan Abdullah dan Perdana Menteri sebagai amat menggalakkan.

Menurut beliau, Malaysia dan Britain mempunyai pendirian yang sama terhadap keganasan.

“Kedua-dua negara mengutuk penganasan dan berharap dapat melakukan apa yang termampu untuk memastikan keganasan dibanteras,” katanya.

Buat masa ini, kata beliau, kedua-dua kerajaan telah mengambil langkah perlu untuk menentang keganasan dan akan meneruskannya sehingga ia dapat dihapuskan.

Ditanya mengenai kebimbangan dunia Islam terhadap kemungkinan Amerika Syarikat dan sekutunya memperluaskan kempen anti keganasan dengan melancarkan serangan ke atas negara lain selepas Afghanistan, Prescott berkata:

“Sehingga kini ia hanya spekulasi media yang memetik individu tertentu tanpa kenyataan rasmi mengenainya.”

Beliau menegaskan kedudukan Britain dalam hal ini adalah jelas iaitu berasaskan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memastikan keamanan di Afghanistan.

Abdullah yang ditanya mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh Malaysia di Afghanistan, memberitahu negara bersedia mengambil bahagian sekiranya PBB hendak membentuk pasukan pengaman di negara itu.

Sementara itu, Abdullah berkata, Malaysia dan Britain bersetuju mengenal pasti projek yang boleh disertai bersama terutama membatik pemuliharaan alam sekitar misalnya pembersihan sungai.

Memandangkan banyak sungai yang tercemar, di negara ini, beliau membayangkan kemungkinan negara mendapatkan kepakaran dan pengalaman Britain untuk menangannya.

Prescott sendiri turut menunjukkan minat mengenai isu alam sekitar malah beliau turut memasukkan kunjungan ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE) sebagai sebahagian program dalam lawatan singkatnya di negara ini.

Abdullah berkata, kebanyakan negara maju begitu kedeknt hendak memberi bantuan kewangan dan berkongsi teknologi serta pengalaman dalam menangani masalah pencemaran di negara-negara membangun.

“Negara-negara maju enggan memindah teknologi kepada negara-negara yang membangun,” katanya.

Beliau berharap persidangan alam sekitar yang akan diadakan di Johannesburg Afrika Selatan pada September tahun depan, dapat mewujudkan satu projek khusus mengenainya.